

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

6. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam merencanakan kegiatan ekonomi melalui kerjasama simbiosis di antara pelabur-pelabur asing khususnya dari negara-negara jiran untuk melabur di negeri Pulau Pinang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Di antara usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam merencanakan kegiatan ekonomi melalui kerjasama simbiosis di antara pelabur-pelabur asing khususnya dari negara-negara jiran untuk melabur di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Menganjurkan misi perdagangan ke negara China dan Taiwan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Invest Penang telah menganjurkan misi-misi ke negara-negara jiran seperti negara China dan Taiwan yang bertujuan menarik pelaburan ke negeri Pulau Pinang melalui penganjuran seminar-seminar mengenai pelaburan di Pulau Pinang (*Penang Investment Seminar*), padanan perniagaan (*business matching*) serta mesyuarat dengan syarikat-syarikat dan persatuan-persatuan tempatan.

Melalui misi perdagangan ini, Invest Penang sering kali berkerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan tempatan seperti *China Council for the Promotion of International Trade (CCPIT)*, *Shenzhen Terminal Electronics Manufacturing* dan *Taiwan External Trade Development Council (TAITRA)* dan Persatuan-Persatuan tempatan seperti *Chinese General Chamber of Commerce Hong Kong (CGCCHK)*, *Malaysian Chamber of Commerce Hong Kong and Macau (Maycham)* dan juga dengan syarikat-syarikat pembuatan tempatan ; dan

- (ii) Penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam acara tahunan *Medan Fair* yang dianjurkan semenjak tahun 1972 oleh Pemerintah Provinsi Sumatera Utara khususnya Medan, Indonesia yang juga merupakan Kota Kembar (*Sister City*) kepada George Town, Pulau Pinang. Acara *Medan Fair* ini dianjurkan selama satu bulan pada setiap tahun bagi mempromosikan perkhidmatan serta produk-produk keluaran pengusaha tempatan.

Selain daripada promosi dan jualan produk di Pavilion Pulau Pinang, penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah dengan menganjurkan Sesi Dialog Pelaburan Perniagaan dan Pemandangan Perniagaan. Tujuan utamanya adalah untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab serantau bagi sektor-sektor penting/ utama seperti pelaburan, pelancongan, pendidikan antarabangsa serta pelancongan perubatan. Sektor-sektor lain seperti makanan dan minuman, kosmetik, herba dan lain-lain turut dipromosikan. Ia juga menyediakan satu platform bagi menjalinkan hubungan dan rangkaian antara pengusaha dari Pulau Pinang dan sekitar Provinsi Sumatera Utara serta mengeratkan hubungan B2B di antara penguasaha dan G2G di antara kedua-dua Negeri dan Provinsi tersebut.

Sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap program *Medan Fair* disambut dengan penyertaan provinsi-provinsi dari Sumatera Utara dan sekitarnya dalam acara ekspo/ pameran Pesta Pulau Pinang yang juga diadakan selama satu bulan di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus menyertai program *Medan Fair* ini kerana ia menyediakan sebuah platform maklumat serta pengetahuan yang baik kepada para pengusaha baik dari Pulau Pinang mahupun Sumatera Utara mengenai peluang pelaburan, produk-produk serta perkhidmatan yang tersedia/sedia ada dan yang berpotensi untuk dikerjasamakan bagi membantu pertumbuhan ekonomi kedua-dua Negeri dan Provinsi tersebut serta secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang pekerjaan.

Dengan kerjasama simbiosis yang berterusan, Kerajaan Pulau Pinang melalui Invest Penang telah mewujudkan hubungan dua hala bagi menjana ekonomi Pulau Pinang melalui pelaburan langsung asing (FDI).